



SIARAN MEDIA

RM912 Juta Geran Khas Prihatin (GKP) 2.0 Kepada 304,000 PKS Mikro Disalurkan Mulai 30 November 2020

SIARAN MEDIA | 23 NOVEMBER 2020



Di bawah pakej rangsangan ekonomi KITA PRIHATIN, Kerajaan telah membuka semula permohonan untuk Geran Khas Prihatin (GKP 2.0) yang merupakan bantuan kewangan secara one-off berjumlah RM3,000 kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro yang berkecualan dan tidak pernah menerima GKP sebelum ini.

Tujuan GKP 2.0 adalah bagi meringankan beban kewangan perniagaan yang dihadapi ekoran penularan wabak COVID-19 dan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran dan perkhidmatan demi kelangsungan PKS mikro. Di bawah GKP asal yang diumumkan sebelum ini, lebih 545,000 PKS mikro seluruh negara telah menerima manfaatnya dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM1.63 bilion.

Tempoh permohonan GKP 2.0 telah dibuka antara 1 hingga 31 Oktober 2020 yang lepas. Bagi memastikan PKS mikro yang benar-benar layak menerima bantuan ini dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, setiap permohonan yang diterima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah disemak silang atau diverifikasi dengan data agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Susulan proses permohonan, sukacita dimaklumkan bahawa hampir 304,000 PKS mikro layak menerima GKP 2.0. Jumlah ini adalah lebih daripada sasaran asal iaitu 200,000 PKS mikro. Sehubungan itu, Kerajaan menganggarkan peruntukan GKP 2.0 adalah sebanyak RM912 juta, iaitu peningkatan daripada peruntukan asal sebanyak RM600 juta.

Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank yang didaftarkan semasa permohonan GKP 2.0 mulai 30 November 2020 dan semakan status kelulusan boleh dibuat mulai 27 November 2020 di Portal GKP, gkp.hasil.gov.my. Mengambil kira kelulusan GKP 1.0 dan GKP 2.0, jumlah keseluruhan penerima pada tahun 2020 adalah hampir 849,000 PKS mikro dengan jumlah bantuan kewangan sebanyak RM2.55 bilion.

YB Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menteri Kewangan
23 November 2020

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- [BERNAMA](#)
- [HARGA MINYAK](#)
- [PRICE OF PETROLEUM](#)
- [TENGGU ZAFRUL](#)
- [BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)
- [KWSP](#)
- [I-SINAR](#)
- [SINAR HARIAN](#)
- [JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)
- [PRIHATIN MOF](#)
- [BERITA HARIAN](#)
- [THE STAR](#)